

B613

MAHATHIR - ODIT

1981

MELAKA, 15 OGOS (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI LAPORAN JURU ODIT NEGARA DISIARKAN BUAT KALI PERTAMANYA DENGAN TUJUAN MEMBERITAHU RAKYAT BAGAIMANA WANG MEREKA DIBELANJAKAN.

DENGAN MEMBENARKAN PIHAK AKHBAR MEMBUAT LAPORAN TERHADAP DOKUMEN ITU, KERAJAAN MEMBOLEHKAN RAKYAT MENGETAHUI KEADAAN SEBENAR -NYA TENTANG PERLAKSANAAN PROJEK-PROJEK DAN RANCANGAN-RANCANGAN.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TIDAK MENGHADAPI SEBARANG MASALAH KEWANGAN - PERUNTUKAN YANG CUKUP TELAH DIBERIKAN - TETAPI TARAF PENCAPAIAN TIDAK MEMUASKAN.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN DI SATU JAMUAN TEH YANG DIADAKAN BAGI MERAIKAN BELIAU DAN ISTERINYA DI SERI PERINGGIT DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN PADA MASA-MASA DAHULU LAPORAN JURU ODIT NEGARA DIRAHSIAKAN DAN HANYA DISAMPAIKAN KEPADA MEREKA YANG BERTANGGONGJAWAB. - BERSAMBUNG 2045/BW

B614

MAHATHIR - ODIT 2 MELAKA

BELIAU MENINGATKAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN BAHAWA SEKIRANYA MEREKA TIDAK MENJALANKAN TANGGONGJAWAB DENGAN DEDIKASI DAN KEJUJURAN, PERKHIDMATAN MEREKA AKAN DIHENTIKAN.

TERDAPAT PERATURAN KERAJAAN YANG MENENTUKAN BAHAWA SEKIRANYA SESEORANG PEGAWAI TIDAK MENJALANKAN TANGGONG-
JAWADNYA, BELIAU BOLEH DIHENTIKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERKARA TERSEBUT BUKAN MERUPAKAN SATU UGUTAN TETAPI SATU KENYATAAN DAN HARAPAN RAKYAT BAHAWA PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN MENJALANKAN TANGGONGJAWAB MEREKA DENGAN BAIK.

MENGENAI KEPERLUAN SENDA PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN BERADA DI PEJABAT MEREKA PADA WAKTU PEJABAT, BELIAU BERKATA INI BUKAN-
LAH BERMAKNA MEREKA DIABDIKAN KEPADA MASA.

INI HANYA UNTUK MEMASTIKAN BAHAWA MEREKA YANG SEPATUTNYA BERADA DI PEJABAT PADA WAKTU TERSEBUT BERBUAT DEMIKIAN. -
BERSAMBUNG 2047/BW

MAHATHIR - ODIT 3 MELAKA

WALAU BAGAIMANAPUN SAMADA MEREKA MENGHABISKAN MASA
MENJALANKAN TUGAS ATAU TKDAK, KERAJAAN AKAN MENGETAHUINYA,
KATA BELIAU.

TERDAHULU DARI ITU, KETUA MENTERI ENCIK MOHAMED ADIB ADAM BERKATA PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN YANG TIDAK BERSEDIA UNTUK BEKERJA KERAS BAGI MEMENUHI TANGGONGJAWAB MEREKA BOLEH MELETAKKAN JAWATAN SEBELUM MEREKA DIPECAT.

TURUT HADIR DI MAJLIS TERSEBUT IALAH PUAN ZAINIAH HUSSIN,
SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI, DATUK HAJI ABDUL AZIZ TAPA,
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT.
- BERNAMA 2050/BW